

22 OCT 2001

MAHATHIR-JEPUN

JEPUN MAHU JALIN HUBUNGAN LEBIH ERAT DGN MYANMAR, MAHATHIR

Oleh: Mohd Kamel Othman

QING DAO, (China) 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Jepun telah menyatakan minatnya untuk mengeratkan lagi hubungan dengan Myanmar.

Perdana Menteri berkata perkara itu telah dinyatakan oleh rakan sejawatannya dari Jepun Junichiro Koizumi semasa mereka mengadakan pertemuan dua hala di Shanghai awal hari ini.

Mereka adalah antara pemimpin dunia yang berada di Shanghai untuk menghadiri mesyuarat kesembilan Pemimpin Ekonomi Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berakhir, semalam.

Dr Mahathir berkata Koizumi juga ingin mengetahui perhubungan antara Malaysia dan Myanmar.

"Nampaknya dia minat sedikitlah berkenaan perhubungan dengan Myanmar. Saya terangkan keadaan di Myanmar dan kenapa proses pemulihan demokrasi negara itu akan mengambil masa dan nampaknya dia faham," kata beliau dalam persidangan akhbar dengan wartawan Malaysia, di sini, hari ini.

Myanmar adalah sebuah daripada anggota Asean. Negara lain ialah Brunei, Kemboja, Malaysia, Laos, Indonesia, Filipina, Thailand, Vietnam dan Singapura.

Perdana Menteri berada di Qing Dao, sebuah kotaraya yang terletak di utara China, untuk lawatan kerja sehari.

Qing Dao terletak kira-kira satu jam perjalanan dengan udara dari Shanghai.

Dr Mahathir akan berlepas ke Pulau Cheju, Korea Selatan pagi esok.

Dr Mahathir juga berkata Koizumi telah melahirkan kekecewaannya kerana belum melakukan lawatan ke Malaysia dan beliau akan berbuat demikian secepat mungkin.

Ketika diminta mengulas lanjut mengenai pertemuan itu, Dr Mahathir berkata Koizumi juga ingin mengetahui pendirian Malaysia sebagai sebuah negara Islam berhubung isu keganasan dan perkembangan terkini di Malaysia.

"Dia faham pendirian kita berhubung Afghanistan," kata beliau.

Perdana Menteri Jepun itu juga ingin mengetahui berhubung penangkapan beberapa orang di Malaysia baru-baru ini yang dipercayai berkaitan dengan keganasan.

"Dia tanya apakah kita mempunyai bukti dan saya menerangkan bahawa kita mempunyai bukti yang cukup," katanya lagi.

Mengenai pemulihan ekonomi ekoran serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 September lalu, Dr Mahathir berkata Perdana Menteri Jepun itu percaya dapat memulihkan keadaan ekonomi negaranya melalui pendekatan yang telah dirancang.

"Kita harap usaha itu berjaya kerana kesan besar yang menyebabkan kemelesetan ekonomi dunia ialah kemelesetan di AS," kata beliau.

Berhubung kesan ekonomi dunia, ekoran serangan itu, Dr Mahathir berkata semua pihak termasuk AS bersetuju bahawa kesan serangan itu telah menggugat keyakinan masyarakat dunia.

Katanya keyakinan masyarakat dunia telah tergugat kerana mereka tidak lagi hendak melancong dan bila tidak menggunakan lagi perkhidmatan udara, banyak industri terjejas.

"Syarikat penerbangan, industri hotel dan industri perkhidmatan akan merana. Banyak industri akan merasa kesan disebabkan penguncupan dalam industri penerbangan dan pelancongan," katanya lagi.

Perdana Menteri berkata industri pelancongan adalah penyumbang terbesar

dalam sesebuah ekonomi.

Pada tahun lepas kata beliau, Malaysia memperolehi RM17 bilion dan jumlah itu dijangka meningkat tahun ini tetapi pada masa ini terdapat pengurangan dalam jumlah mereka yang melancong.-- BERNAMA

MKO ZK